

## **Kumpulan Guru DGA29/41**

Saudara/ Saudari perlu sedari bahawa pihak NUTP telah berusaha menyelesaikan masalah guru DGA29/41. Pihak kerajaan pun telah bersetuju melaksanakan 7 + 3 untuk mengatasi masalah jurang gaji kumpulan guru ini.

Dalam pada itu, kita mesti sedari bahawa kumpulan DGA29/41 mempunyai pelbagai kategori. Sekiranya NUTP cuba menyelesaikan secara "blanket" masalah tetap tidak akan selesai. Kita cuba menyelesaikan masalah kumpulan ini secara berkelompok.

Antara masalah yang timbul kini :-

1. Terlepas DGA32 kerana tidak lulus PTK sebelum ke DG41.
2. Tidak mengambil peperiksaan PTK semasa mengikuti program PJJ/OUM tetapi selepas itu lewat.
3. Tarikh lantikan DGA32 ditawarkan lebih lewat dari tarikh lantikan DG41. Kumpulan ini, Bahagian Sumber Manusia bersetuju NUTP kemukakan kes-kes rayuan dengan kertas kerja.
4. Gaji guru DGA29/41 masih rendah walaupun telah ditawarkan 7 + 3 ( kumpulan ini sila kemukakan surat kepada NUTP untuk buat kajian).
5. Sekumpulan masih menunggu giliran ditawarkan 7 + 3. Kumpulan ini diharap bersabar kerana prosesnya berterusan tetapi Bahagian Sumber Manusia perlu sedikit masa untuk menguruskan bilangan yang besar.
6. Kumpulan guru tarikh lantikan jatuh pada/sebelum 15.5.2008 dan ditawarkan DG44 pada 16.5.2008 tidak menikmati 7 + 3 boleh menolak DG44 KUP saluran ExPPPLD dan mohon saluran biasa KUP. 3 tahun ( pengalaman mengajar ) boleh digunakan untuk urusan DG44 ExPPPLD ke DG48.
7. Kemungkinan ada kes-kes yang kita masih tidak dapat kesan.

Harap beri respond.

Terima Kasih.